

14 SEP 2003

Hadi-Mahathir

HADI KATA TAFSIRAN NEGARA ISLAM DR MAHATHIR SALAH

KUALA LUMPUR, 14 Sept (Bernama) -- Presiden Pas Datuk Seri Abdul Hadi Awang hari ini berkata tafsiran Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengenai negara Islam adalah tidak tepat.

Oleh itu, katanya, cabaran Perdana Menteri supaya Pas mengeluarkan memorandum negara Islam mengikut acuan parti itu tidak lagi relevan.

"Kita anggap cabaran Perdana Menteri itu tidak lagi relevan kerana Perdana Menteri mempunyai takrif tersendiri yang anggap fahaman itu (Pas) salah," katanya semasa menggulung ucapan dasar pada Muktamar Tahunan Pas ke-49 di Markas Tarbiyah Pas Pusat di sini, hari ini.

Beliau menyarankan supaya Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM) dan para ulama di negara ini supaya mencari definisi sebenar berhubung negara Islam yang sebenar.

Abdul Hadi sebelum ini pernah berkata Malaysia bukan sebuah negara Islam walaupun banyak negara lain mengiktirafnya demikian termasuk Sheikh Al-Azhar, Dr Mohammad Sayed Tantawi.

Abdul Hadi sebaliknya menidakkan kewibawaan Dr Mohammad Sayed atas alasan beliau dilantik oleh kerajaan Mesir dan bukan melalui ulama-ulama Universiti Al-Azhar.

Kepimpinan Pas semalam dibidas oleh Dewan Pemuda kerana parti itu sehingga kini masih gagal mengemukakan manifesto negara Islam yang menjadi teras perjuangan parti walaupun telah berjaya menawan Terengganu dan mengekalkan Kelantan dalam pilihan raya umum.

Abdul Hadi turut membidas media utama di negara sebagai faktor yang menghalang orang ramai memahami hasrat penubuhan negara Islam mengikut acuan Pas berikutan kurangnya liputan mengenai perkara itu.

Beliau menyeru kepada anggota parti dan masyarakat supaya mengadakan kajian terperinci (tabayyun) untuk mengetahui perkara sebenar terhadap penubuhan negara Islam oleh Pas dan tidak hanya bergantung kepada maklumat daripada media.

Semasa penggulungan itu Abdul Hadi juga menegaskan institusi ulama dalam parti itu menjadi teras kepada perjuangan parti tetapi tidak mengabaikan golongan profesional dan intelek yang terdapat dalam parti.

Katanya, golongan ulama dan intelek memainkan peranan penting dalam memastikan parti terus kekal relevan dan keperluan mentarbiyah (mendidik) golongan profesional dan intelek adalah perlu supaya pengetahuan mereka dalam aspek agama setaraf dengan tahap ulama.

-- BERNAMA

SHS MRA AZZ PR